



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
14 Jun 2019 (JUMAAT)**



DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT

AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	AZMIN AKUI KENAL INDIVIDU DALAM VIDEO
MUKA SURAT	4

ISU VIDEO SEKS TULAR

Azmin akui kenal individu dalam video

➔ Menteri anggap karakter diperalatkan dalam fitnah

Oleh Norrasidah Arshad
norrasidah@bh.com.my

➔ Shah Alam

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang kelmarin menafikan terabit dalam video lucah tersebar sejak Selasa lalu, mengaku mengenali Haziq Abdulah Abdul Aziz yang mendakwa individu dalam rakaman itu adalah dirinya dan Timbalan Presiden PKR berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, beliau hanya mengenali Setiusaha Sulit Kanan Timbalan Menteri Industri Utama itu dari jauh kerana lelaki berkenaan adalah ahli PKR.

"Dia pernah menyertai parti (PKR), kemudian sertai pembangkang (Barisan Nasional) dan selepas (Pakatan Harapan) menang, dia lompat balik ke dalam (PKR). Ini karakter individu yang diperalatkan dalam fitnah ini," katanya.

Beliau berkata demikian ke-

tika ditemui media pada Majlis Rumah Terbuka Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di sini semalam, iaitu kemunculan pertamanya sejak beberapa klip video intim berkenaan, tersebar.

Mohamed Azmin turut memberi sindiran ketika diminta mengulas sekiranya individu yang bertanggungjawab menyebarkan video berkenaan adalah dalam kalangan ahli PKR sendiri.

"Sekiranya ada perbezaan pendapat atau seseorang itu tidak berjaya memberikan khidmat yang diterima rakyat, jangan memilih jalan kotor dan jijik ini," katanya sambil menambah, beliau bagaimanapun tidak mengesyaki sesiapa atau mahu membuat sebarang tuduhan berkaitan penyebaran video berkenaan.

Katanya, sebagai antara pemimpin PH yang membentuk kerajaan baharu, beliau berpegang pada politik nilai serta prinsip yang jelas, iaitu tidak terjebak dengan politik kotor dan jijik.



Mohamed Azmin dan Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berswafoto bersama orang ramai pada Majlis Jalinan Aidilfitri PKNS dan Gabungan Anak Syarikat PKNS di Shah Alam, semalam.

Ambil serius teguran PM

"Saya menyeru rakan supaya ambil serius teguran Perdana Menteri kerana akhirnya kita bertanggungjawab kepada Allah SWT dan rakyat," katanya.

Malam kelmarin, Tun Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, politik kotor tidak sepatutnya berlaku di negara ini, malah yakin Mohamed Azmin bukan individu dalam video itu yang disifatkannya tindakan jelas bermotifkan politik dengan tujuan menjatuhkan Timbalan Presiden PKR berkenaan.

Kelmarin, Mohamed Azmin me-



Dia pernah sertai PKR, kemudian sertai pembangkang (Barisan Nasional) dan selepas (Pakatan Harapan) menang, dia lompat balik ke dalam (PKR)"

Mohamed Azmin Ali,
Menteri Hal Ehwal Ekonomi

nerusi satu kenyataan, menafikan sekeras-kerasnya pembabitannya beliau dalam video itu dan menyifatkannya sebagai satu tuduhan jahat serta kejam, selain yakin ia komplot jahat untuk mencemarkan reputasi, keperibadian serta menjatuhkan dan memusnahkan karier politiknya.

Ia susulan tindakan seorang individu sebelum itu yang kemudian dikenali sebagai Haziq dilaporkan tampil membuat pengakuan bersumpah, antara lain mendakwa video berkenaan dirakam pada 11 Mei lalu di sebuah bilik hotel di Sandakan, Sabah.

[FOTO SADDAM YUSOFF/BH]

AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	SEKITAR AIDILFITRI
MUKA SURAT	14



1 *Antara tetamu yang hadir pada Majlis Jalinan Aidilfitri PKNS dan Gabungan Anak Syarikat PKNS di Pusat Konvensyen Shah Alam, semalam:*

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	'SAYA KENAL CUMA DARI JAUH'
MUKA SURAT	8

'Saya kenal cuma dari jauh'

Azmin bagaimanapun enggan buat tuduhan dalam di sebalik video

NORHIDAYAH HAIROM

SHAH ALAM

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali mengakui mengenali Haziq Abdullah Abdul Aziz, bagaimanapun hanya dari jauh.

Menurut Azmin, Haziq yang mendakwa terlibat dalam sebuah klip video seks merupakan Setiausaha Sulit Kanan kepada Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd dan dikenali sebagai ahli Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang sering

melompat parti.

"Saya mengenalinya dari jauh, sebab dia ahli parti. Dia pernah menjadi ahli parti, kemudian menyertai pembangkang. Setelah kita menang, dia lompat balik ke dalam PKR. Inilah karakter individu yang diperalatkan dalam fitnah ini," katanya ketika ditemui pada Majlis Jalinan Aidilfitri anjuran Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) di sini semalam.

Kehadiran Mohamed Azmin pada majlis berkenaan merupakan kemunculan pertama beliau selepas kontroversi video yang mengaitkannya.

Azmin berkata, laporan polis berhubung penyebaran video itu telah dibuat setiausaha sulitnya pagi semalam.

Beliau bagaimanapun enggan membuat sebarang tuduhan ketika ditanya



Azmin ketika hadir pada Majlis Jalinan Aidilfitri anjuran Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) Shah Alam semalam.

sama ada terdapat dalam di sebalik kontroversi tersebut.

"Seperti pandangan yang diberikan peguam-peguam saya, dengan laporan polis yang sedia ada

ia sudah membolehkan polis menjalankan siasatan," katanya.

Menurutnya, penyebaran video klip berkenaan merupakan jalan politik

kotor dan jijik.

"Sekiranya terdapat perbezaan pendapat atau seseorang itu tidak berjaya memberikan khidmat yang diterima rakyat, jangan me-

milih jalan kotor dan jijik. Sebagai kerajaan baharu, kita berpegang kepada politik nilai dan prinsip jelas serta tidak terjebak dengan politik jijik," katanya.

Azmin tabah, sabar dan tenang

SHAH ALAM - Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali menegaskan dirinya tabah dan tenang walaupun berdepan dengan fitnah membabitkan penularan video intim yang dikaitkan dengannya sejak Selasa lalu.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada semua yang menyatakan sokongan dan mendoakan keselamatan dirinya.

"Terima kasih kepada terlalu ramai rakyat, kenalan, sahabat, keluarga dan pimpinan yang menyatakan sokongan kepada saya dan mendoakan keselamatan saya dalam keadaan gelombang fitnah sedang melanda saya dan keluarga. Saya sabar, tabah dan tenang," katanya menerusi Facebooknya semalam.

Isterinya, Datin Seri Shamsidar Taharin turut menasihatkan suaminya untuk bertawakal, takwa dan sabar menanti petunjuk, perlindungan dan ganjaran ALLAH dalam menghadapi fitnah.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	KURANGKAN PENYEDUT MINUMAN
MUKA SURAT	19

Kurangkan penyedut minuman

Dilaksana di Selangor berkuatkuasa 1 Julai ini

HASNIZA HUSSAIN

SHAH ALAM

Pelaksanaan dasar pengurangan penyedut minuman plastik di Selangor pada setiap hari akan dilaksanakan berkuatkuasa 1 Julai ini.

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna, Hee Loy Sian berkata, pelaksanaan dasar itu diluluskan

menerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor yang bersidang semalam.

Beliau berkata, dasar tersebut menggariskan pelaksanaan larangan penyediaan penyedut minuman plastik secara automatik bagi penyediaan minuman di semua premis-premis makanan/minuman dan restoran di seluruh negeri ini.

Katanya, penyedut minuman plastik juga dilarang untuk disediakan di kaunter untuk diambil secara bebas oleh pelanggan. "Penyedut minuman plastik hanya akan diberikan atas permintaan pelanggan untuk setiap minuman yang dipesan.

"Setiap pihak berkuasa



tempatan (PBT) akan meletakkan syarat ini dalam syarat-syarat permohonan lesen perniagaan semasa pengusaha-pengusaha mengemukakan permohonan baru atau memperbaharui lesen perniagaan masing-masing," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Penyedut minuman plastik hanya akan diberikan atas permintaan pelanggan untuk setiap minuman yang dipesan."

- Hee Loy Sian

Menurutnya, dasar itu adalah selaras dengan kempen bebas plastik yang sedang dijalankan di Selangor dan selari dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali guna (*single-use plastics*) seperti beg plastik, polistirena, penutup/pela-

pis makanan plastik, bahan-bahan plastik pakai-buang dan sebagainya.

"Objektif utama dasar pengurangan penggunaan penyedut minuman plastik ini adalah untuk mendidik dan meningkatkan tahap kesedaran penduduk di negeri ini tentang kesan jangka panjang penggunaan plastik sekali guna khususnya penyedut minuman plastik terhadap kesihatan dan alam sekitar," katanya.

Loy Sian berkata, pelaksanaan dasar itu dijangka akan dapat membantu kerajaan = mengawal masalah pencemaran alam sekitar yang semakin ketara dan menggalakkan usaha kitar semula dan penggunaan semula serta menjaga kebersihan alam sekitar di

Selangor.

Beliau berkata, kerajaan melalui PBT akan memantau dan memastikan kejayaan pelaksanaan dasar ini, sementara pengusaha-pengusaha premis makanan/minuman atau restoran digesa memberikan kerjasama dan bantuan agar objektif pengurangan penggunaan plastik di negeri ini tercapai.

"Kita bangga kerana terdapat ramai pengusaha premis makanan/minuman atau restoran yang mengambil inisiatif dan langkah ke depan daripada kerajaan dalam melaksanakan kempen-kempen atau usaha-usaha untuk mengurangkan penggunaan penyedut minuman plastik," katanya.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	RUMAH TERBUKA PKNS MERIAH
MUKA SURAT	22

Rumah terbuka PKNS meriah

SHAH ALAM - Majlis Jalinan Aidilfitri Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Kumpulan Anak Syarikat 2019 berlangsung meriah dengan kehadiran hampir 3,000 tetamu yang diadakan di Pusat Konvensyen Shah Alam semalam.

Pengurus Komunikasi Korporat PKNS, Ishak Hashim berkata, majlis yang diadakan secara tradisi ini bertujuan meraikan rakan niaga, rakan korporat dan pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung berurusan bersama PKNS serta anak syarikat.

"Tahun ini PKNS menjadikan Majlis Jalinan Aidilfitri berskala besar dan jumlah tetamu bertambah berbanding sebelumnya apabila jamuan raya digabungkan sekali bersama dengan anak syarikatnya.

"Menerusi majlis ini juga diharapkan dapat mengukuhkan hubungan perniagaan dan secara tidak langsung menjana peluang

PKNS untuk menembusi pasaran baharu melalui hubungan baik bersama agensi luar yang terjalin," katanya.

Ishak berkata, majlis yang diadakan secara tradisi tersebut merupakan tanda penghargaan bagi pihak yang telah banyak membantu urusan perniagaan PKNS," katanya.

"Diharap penganjuran majlis

seumpama ini dapat memberikan manfaat kepada hubungan dua hala antara PKNS dengan agensi luar dalam meneruskan agenda pembangunan negeri Selangor," katanya.

Majlis berkenaan turut dihadiri Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari.



Azmin (tengah) dan Amirudin Shari (tiga dari kanan) menghadiri Majlis Jalinan Aidilfitri PKNS di Pusat Konvensyen Shah Alam semalam.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	KLIK
MUKA SURAT	23



KLK

Pengarah Urusan Kumpulan Media Karangraf, Datuk Dr Hussamuddin Yaacob (dua dari kiri) dan Presiden Persatuan Alumni UITM Malaysia (PAUITM), Datuk Zaini Hassan (kiri) bergambar kenangan bersama Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali (dua dari kanan) dan Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari pada Majlis Jalinan Aldilfitri anjuran Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) semalam.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	BEREK POLIS PERLU DINAIK TARAF
MUKA SURAT	24

Berek polis perlu dinaik taraf

SEKINCHAN - Sebanyak 32 unit perumahan polis yang daif di Sekinchan perlu dinaik taraf bagi memberi keselesaan kepada anggota keselamatan itu.

Ahli Parlimen Sungai Besar, Muslimin Yahaya berkata, kini hanya 12 unit berek sahaja dihuni dan Jabatan Kerja Raya (JKR) memaklumkan keadaan perumahan berusia 47 tahun itu tidak lagi selamat diduduki.

"Berek terbabit dalam keadaan tidak selesa kerana hanya dilengkapi dua bilik dan sebuah dapur kecil yang tidak sesuai dengan keadaan zaman sekarang," katanya ketika meninjau berek polis berkenaan bersama ADUN Sekinchan, Ng Suee Lim.

Muslimin memberitahu, beliau dan Suee Lim melihat dalam segenap aspek bagi membangunkan semula berek itu sama ada secara usaha sama melalui pen-swastaaan dan sebagainya yang dipersetujui

kerajaan.

"Kita mengalu-alukan jika kerajaan menyediakan kewangan mencukupi untuk membangunkan berek ini demi keselesaan anggota keselamatan ini," katanya.

Selain itu, beliau memberitahu sistem saliran berek itu juga tidak sempurna dan dibimbangi boleh mengakibatkan wabak denggi.

"Saya berusaha mendapatkan peruntukan daripada Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) bagi mengurangkan risiko berkaitan sistem pengaliran selepas pembinaan sebuah kondominium berhampiran," katanya.



Muslimin (dua dari kiri) dan Suee Lim (dua dari kanan) meninjau berek polis di Sekinchan semalam.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	MANGSA BANJIR DIBENAR PULANG
MUKA SURAT	33

Mangsa banjir dibenar pulang

PPS ditutup mulai jam 2 petang selepas banjir surut sepenuhnya

ARZIANA MOHMAD AZAMAN

KUALA SELANGOR



Mohd Faizal (empat dari kiri) berbincang sesuatu bersama Shaid ketika kunjungan mereka di PPS Dewan MDKS Desa Coalfields semalam.



Mohd Faizal (kanan) bersama Khairuddin menemui mangsa banjir yang ditempatkan di PPS Dewan MDKS Desa Coalfields semalam.

Lapan keluarga yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan MDKS Desa Coalfields dibenarkan pulang semalam.

Mereka adalah sebahagian daripada 25 keluarga melibatkan 86 mangsa banjir di kawasan berkenaan.

Pegawai Daerah Kuala Selangor, Mohd Faizal Abd Raji berkata, kesemua mangsa dibenarkan pulang dan PPS Dewan MDKS Desa Coalfields ditutup bermula jam 2 petang.

Menurutnya, tinjauan

mendapati keadaan banjir yang melanda Kampung Sri Aman, Sri Sentosa dan Merbau Indah dilaporkan surut sepenuhnya.

"Hujan lebat di kawasan lembangan Sungai Buloh menyebabkan beberapa kawasan rendah dinaiki air Selasa lalu.

"Bagaimanapun, semua mangsa banjir sudah dibenarkan pulang secara berperingkat bermula sema-

lam (kelmarin) kerana ada kawasan yang surut lebih awal," katanya.

Mohd Faizal yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Kuala Selangor berkata, agensi yang terlibat membantu sepanjang proses pemindahan mangsa banjir adalah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Pejabat Ta-

nah Daerah Kuala Selangor.

"Anggota keselamatan berkenaan turut disertai MDKS, ketua komuniti, pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Kuala Selangor.

"Wakil rakyat termasuk Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jeram, Shaid Mohd Rosli dan ADUN

Paya Jaras, Khairuddin Otman turut meninjau mangsa banjir," katanya.

Sebelum ini katanya, PPS Dewan MDKS Desa Coalfields dibuka pada jam 7 malam bagi menempatkan mangsa.

"Bantuan barangan bencana asas diagihkan pada malam pertama mereka ditempatkan di PPS itu.

"Pada malam kedua,

info

Banjir di Kampung Sri Aman, Sri Sentosa dan Merbau Indah dilaporkan surut sepenuhnya

lapan keluarga melibatkan 30 mangsa tinggal di pusat pemindahan itu," katanya.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	RAMPAS TANAH JIKA TAK BAYAR CUKAI
MUKA SURAT	34

Rampas tanah jika tak bayar cukai

Tindakan itu bagi memastikan pemilik membayar cukai

AZIE YAHAYA

KLANG

Pemilik tanah di daerah ini yang masih berdegitil serta enggan membayar cukai akan berdepan tindakan aset mereka dirampas.

Pegawai Daerah Tanah Klang, Mohd Zainal Mohd Nor berkata, tindakan itu diambil berikutan ada yang bersikap sambil lewa terhadap tanggungjawab mereka.

Menurutnya, rampasan tanah adalah kaedah terakhir jika pemilik masih ingkar menjelaskan cukai.

"Jika pemilik gagal membayar cukai taksiran, mereka hanya berdepan sitaan barang-barang sahaja tetapi penduduk terpaksa keluar jika tanah dirampas," katanya pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Pejabat Daerah Tanah Klang (PDTK) di Dewan Serbaguna PDTK, di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Besar, Amirudin Shari; ADUN Pandamaran, Leong Tuck Chee, Ketua Polis Daerah Klang Selatan Asisten Komisioner Shamsul Amar Ramli.

Justeru kata beliau, pemilik tanah dinasihatkan



Mohd Zainal (lima dari kanan) menyerahkan 'ole-ole' raya kepada Amirudin (tengah) pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Pejabat Daerah Tanah Klang (PDTK) di Dewan Serbaguna PDTK semalam.

berurusan di PDTK jika ada masalah.

"Kita tidak menafikan ada sedikit kelemahan berkaitan sistem namun kakita-

ngan sedia membantu jika pelanggan ada masalah. Mereka hanya perlu datang ke pejabat dan berurusan di kaunter," katanya.

Dalam perkembangan lain, Mohd Zainal berkata, sehingga Mac lalu pihaknya berjaya mengutip cukai tanah sebanyak RM36 juta.

info

PDTK berjaya mengutip cukai tanah sebanyak RM36 juta sehingga Mac lalu

"Kita menyasarkan sekurang-kurangnya RM105 juta iaitu 90 peratus daripada jumlah RM119 juta sasaran tahun ini dan ia dijangka meningkat sehingga hujung tahun berdasarkan bayaran diterima.

"Bagi kutipan premium tanah pula, kita berjaya mengutip RM146 juta bagi tempoh Januari hingga bulan ini dan angka kutipan boleh mencapai RM300 juta sehingga hujung tahun ini," katanya.

AKHBAR	THE STAR
TAJUK BERITA	MCMC: DON'T SPREAD PORNOGRAPHIC CONTENT
MUKA SURAT	2

reports by UNG HAN SEAN, HEMANANTHANI SIVANANDAM, TARRENCE TAN, RASHVINJEET S. BEDI and JOSEPH KAOS Jr

MCMC: Don't spread pornographic content

'Offenders can be jailed, fined RM50,000, or both'

PETALING JAYA: In the wake of more sex video clips implicating a federal minister surfacing, the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) has reiterated its stern warning not to spread pornographic content.

MCMC warned those found distributing such prohibited content that it was an offence under Section 233 of the Communications and Multimedia Act 1998.

On Wednesday night, MCMC said strict action would be taken against those found doing so.

Those found flouting the law could be jailed for a year, fined RM50,000, or both, said MCMC.

MCMC said it would work together with platforms such as Facebook to ensure no pornographic content was spread.

The commission also barred Sabahkini2.com for uploading the

viral sex video.

MCMC, however, said the portal would be reinstated after it takes down the offending content.

In Kuantan, Pakatan Harapan secretariat chief Datuk Saifuddin Abdullah called for an end to the spreading of the viral videos.

He said this would not benefit anyone and could only bring Malaysians to the "realm of endless slander".

"We are upset and disappointed with the recent videos that have gone viral.

"I view this as gutter politics that must be stopped because such practice will not bring Malaysia forward.

"This will instead cause misunderstanding, accusations and slander among the community. For Muslims, slander is a sin," he said at Indera Mahkota Pakatan's Hari

Raya Aidilfitri celebration here on Wednesday night.

Saifuddin said Pakatan must strive to maintain its practice of new politics based on wisdom and not slander.

"We should focus on developing the nation and serving the people instead," he said.

Saifuddin also welcomed the statements by the Malaysian Anti-Corruption Commission and the police to immediately investigate the case.

The scandal erupted when a video purportedly of Economic Affairs Minister Datuk Seri Azmin Ali and Santubong PKR youth chief Haziq Abdullah Abdul Aziz having sex went viral on Tuesday.

Another video clip of two individuals engaging in sex had surfaced, which appeared to show the same pair from the earlier viral video.



Centre of attention: Azmin speaking to the media after the PKNS Hari Raya open house in Shah Alam.



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	MBSA ON WHEELS
MUKA SURAT	2

MBSA ON WHEELS

Shah Alam City Council (MBSA) is bringing out its mobile office, Shah Alam on Wheels, on June 15, from 11am to 5pm at Aeon Big Bukit Rimau, Section 32 for the public to use council facilities. Services provided include assessment tax payment, parking compound checks and payment, counter for complaints and others. For details, visit www.mbsa.gov.my

AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	CLEAN UP AREA NEAR BATU CAVES SCHOOL, MPS URGED
MUKA SURAT	2

Clean up area near Batu Caves school, MPS urged

SELAYANG Municipal Council (MPS) is being criticised for its poor upkeep of the entrance and surrounding area of SJK(T) Batu Caves in Selangor.

Sri Maha Mariamman Temple Dhevasthanam (SMTTD) strategic communication director Siva Kumar G said MPS had turned a blind eye to the area which was not only the entrance to the school but also an entry and exit point to the Batu Caves KTM Komuter station.

“Rubbish is piled up in all corners, and there are overgrown bushes and lalang.

“This invites mosquitoes, endan-

gering the pupils.

“There are no council rubbish bins nor is the area regularly swept and maintained by MPS,” Siva added.

He said many people used this entrance to get to the Batu Caves Sri Subramaniyar Temple.

The temple and the school are the responsibility of SMMTD.

“We do not want a dengue breakout before we can see MPS swinging into action with a clean-up and fogging,” said Siva.

He urged MPS to act fast as it was a public area and tourists had already complained about the eyesore.



Rubbish piled up at the side entrance to the Batu Caves temple.

AKHBAR	NEW STRAITS TIMES
TAJUK BERITA	AZMIN: I KNOW HAZIQ ONLY AS PKR MEMBER
MUKA SURAT	11

Azmin: I know Haziq only as PKR member

SHAH ALAM: Datuk Seri Azmin Ali said he only knew Muhammad Haziq Abdul Aziz, the person who implicated him in a sex video clip, because he is a PKR member.

"I know him from a distance because he is a PKR member. He was a party member before joining the opposition (back then). After we won, he returned to PKR. This is the character of the individual in this slander," said Azmin, who is economic affairs minister and PKR deputy president.

Azmin said this when asked if he knew the person in the sex video clip, which had gone viral.

Asked if he knew the parties behind it, Azmin said he did not want to accuse anyone.

Asked if he would lodge a report over the matter, Azmin said the report made by his political secretary, Hilman Idham, at the Putrajaya police headquarters yesterday was sufficient.

"As advised by my lawyers, the report lodged was sufficient to warrant investigations to be carried out," he said.

Azmin said he agreed with

Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad, who yesterday said politics in Malaysia should be clean.

"I agree with the prime minister. We should stop gutter politics. This is New Malaysia and we want to embrace new politics and new values. These individuals or groups who resorted to this gutter politics must be punished. The public should not accept gutter politics."

Azmin said he did not want to speculate on talk that he was sabotaged because Dr Mahathir had not set a time for his succession plan, on top of speculation that he would be made the successor.

"I am not here to make any speculation on that. That is the prerogative of the prime minister to decide who is best and fit to succeed him and, most importantly, accepted by a majority of the rakyat."

In Putrajaya, Hilman said he had met Haziq following the release of the video.

"It's true. The meeting did take place," he said after lodging a *qazaf* (false accusation of illicit



Datuk Seri Azmin Ali's political secretary Hilman Idham (centre) showing a copy of the report lodged against Muhammad Haziq Abdul Aziz in Putrajaya yesterday.
BERNAMA PIC

sex) report with the Federal Territories Islamic Religious Department.

He declined to elaborate what had transpired in the meeting.

Hilman said: "There's no need for that. I have submitted the details to police. Give them (the authorities) space to conduct their investigations."

He had earlier lodged a report as well, but when asked for details of both reports, he declined to elaborate.

He said the *qazaf* report was made to protect Azmin's good name. *Qazaf* refers to the syariah offence of accusing a Muslim of

illicit sex without providing the stipulated four witnesses.

Hilman said police had recorded his statement following his report.

Putrajaya police chief Assistant Commissioner Rosly Hasan confirmed Hilman's report, which was recorded at 11am yesterday.

Inspector-General of Police Datuk Seri Abdul Hamid Bador was shocked when told by the media about the release of another sex video clip on Wednesday.

"I believe I will be briefed by my officer(s) on the new video," he said after attending the Agricu-

ture and Agro-Based Ministry's Hari Raya Aidilfitri celebration here.

Hamid said police would probe the case based on the report lodged, as per standard operating procedure.

"I know only of one report lodged.

"When there is a police report, we will act on it and that is my comment for now."

Asked if police would summon the men depicted in the gay sex video, he said the matter was being investigated.

"Whom we summon will be based on the investigations."

AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	KELUAR 120 SAMAN DALAM OP MPSJ
MUKA SURAT	30

Subang Jaya

A.Metro - m/s - 30

Keluar 120 saman dalam op MPSJ

Polis mengeluarkan sebanyak 120 saman terhadap pengguna jalan raya atas pelbagai kesalahan dalam Operasi Bersepadu Halangan Lalu lintas di SS15, di sini, Selasa lalu.

Operasi dilaksanakan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) bermula jam 12 tengah hari dengan kerjasama Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Subang Jaya.

Timbalan Pengarah Korporat Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MPSJ Azfarizal Abdul Rashid berkata, operasi membabitkan 16 anggota penguat kuasa diketuai

Penolong Pengarah (Kanan) Jabatan Penguatkuasaan MPSJ Tarmidi Kadri.

Menurutnya, ia dijalankan lanjutan daripada aduan kesesakan lalu lintas yang sering kali diterima MPSJ.

“Dalam operasi bersepadu ini, sebanyak 122 saman dikeluarkan polis kepada pesalah trafik atas pelbagai kesalahan.

“Manakala, MPSJ mengeluarkan sebanyak 12 notis tawaran kompaun, 10 tindakan kapit kenderaan dan menunda dua kenderaan yang melakukan kesalahan lalu lintas,” katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.



ANGGOTA polis trafik mengeluarkan saman terhadap kenderaan di SS15, Subang Jaya.

AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	HARIS KASIM DILANTIK DATUK BANDAR SHAH ALAM
MUKA SURAT	47

Haris Kasim dilantik Datuk Bandar Shah Alam

UTUSAN
m/s-47

SHAH ALAM 13 Jun - Datuk Bandar Shah Alam baharu, Datuk Haris Kasim mahu menjadikan perkhidmatan perbandaran, kualiti hidup masyarakat dan penguatkuasaan kewangan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sebagai fokus utama sebaik diangkat menjawat jawatan tersebut.

Haris yang sebelum ini merupakan bekas Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) memberitahu, fokus berkenaan adalah sebahagian daripada lima teras perkhidmatan MBSA yang akan ditambah baik menerusi kerjasama sepasukan dalam organisasi pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Beliau yang menggalas tugas berkenaan bagi menggantikan Datuk Ahmad Zaharin Mohd. Saad yang kini menjawat jawatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan berkata, MBSA berperanan besar dalam kemajuan negeri dan sudah pasti harapan rakyat juga amat tinggi.

"Sebagai penguasa tempatan saya komited untuk melaksanakan lima teras perkh-

idmatan MBSA iaitu pertama memantapkan perkhidmatan perbandaran, pembersihan awam dan pengurusan sisa pepejal termasuk memperkasakan kerja-kerja kutipan sampah, pembersihan longkang serta pemotongan rumput.



HARIS KASIM

"Kedua, mendekati masyarakat dengan program turun padang supaya masalah yang dihadapi terutamanya pembayar cukai dapat didengar dan diatasi secara bersemuka," katanya pada Majlis Angkat Sumpah Datuk Bandar Shah Alam

di Wisma MBSA di sini.

Yang turut hadir, Timbalan Datuk Bandar Shah Alam, Mohd. Rashidi Ruslan.

Haris, 57, merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial daripada Universiti Malaya (UM) dan selain Pengarah JAIS, beliau juga pernah bertugas sebagai Yang Dipertua Ma-

jlis Daerah Kuala Selangor serta Pegawai Daerah Pejabat Daerah Hulu Langat dan Sepang.

Dalam pada itu, Haris berkata, beliau juga akan mempelbagaikan perkhidmatan dalam talian melalui pembudayaan teknologi bagi memudahkan urusan masyarakat dengan pihak MBSA.

"MBSA juga akan memberi penumpuan terhadap penguatkuasaan kewangan melalui peningkatan hasil melalui kutipan tunggakan serta mencari sumber hasil baru.

"Pada masa sama, kita juga akan memperkasakan sumber manusia melalui latihan dan kursus bagi memastikan kakitangan MBSA dapat memantapkan pengetahuan dan kemahiran," ujarnya.

SD
SD RESIDENCE
@ SELAYANG

800 KP | 3 BILIK & 2 BILIK MANDI
HANYA RM300,000 KEBAWAH
03-2282 9993

Satu Lagi Projek Berprestij Oleh:
UOA GROUP
BUILDING EXCELLENCE

AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	AZMIN JAWAB SIAPA DALANG
MUKA SURAT	7

Azmin jawab siapa dalang Utusan m/s-4

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL
Pengarang@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 13 JUN

PERSOALAN siapa dalang utama di sebalik penyebaran video seks sejenis yang dikaitkan dengan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali masih menjadi tanda tanya ketika ini walaupun pelbagai telahan sudah dibuat berdasarkan perkembangan politik semasa PKR dan negara.

Ini selepas seorang daripada dua 'aktor' lelaki di dalam video berkenaan sudah mengaku terlibat menjayakan aksi songsang tersebut iaitu Muhammad Haziq Abdul Aziz, Setiausaha Sulit Kanan kepada Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd. Akin.

Diajukan soalan kepada empunya diri, apakah beliau percaya yang individu berpengaruh dalam PKR sebagai dalang utama kepada penyebaran video, Menteri Hal Ehwal Ekonomi itu menarik nafas yang dalam dan



MOHAMED AZMIN ALI bermesra dengan Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari dalam majlis jalinan Aidilfitri anjuran Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Shah Alam, Selangor, semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI

mengambil sedikit masa untuk menjawabnya, hingga menimbulkan lebih banyak persoalan.

Mohamed Azmin kemudian

menjawab soalan itu secara umum tanpa menyebut individu atau kumpulan tertentu dalam PKR walaupun ramai

yang beranggapan sedemikian. "Sekiranya terdapat perbezaan pendapat atau seseorang itu tidak berjaya memberikan khidmat yang diterima rakyat, jangan memilih jalan kotor dan jijik. Sebagai kerajaan baharu, kita berpegang politik nilai dan prinsip jelas serta tidak terjebak dengan politik jijik," katanya.

Timbalan Presiden PKR itu membuat kemunculan sulung di tempat awam hari ini apabila hadir ke majlis jalinan Aidilfitri anjuran Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di sini, sejak video aksi seks sejenis miripnya disebar secara terancang bermula Isnin lalu.

Dalam perkembangan yang sama, Mohamed Azmin mengakui mengenali Muhammad Haziq dari jauh tetapi menjelaskan ia sekadar atas urusan parti dan tidak rapat dengan pemuda tersebut.

"Dia ahli parti, kemudian menyertai pembangkang dan setelah menang lompat balik ke dalam Keadilan (PKR). Ini karakter individu yang diperalatkan dalam fitnah ini," katanya.